**BAHAGIAN A ( 20 MARKAH )**

**MASA 30 MINIT**

**ARAHAN**: JAWAB **SEMUA** SOALAN DAN TANDAKAN JAWAPAN DIRUANG JAWAPAN YANG DISEDIAKAN

**1** Antara kumpulan haiwan berikut, yang manakah boleh dikelaskan sebagai vertebrata?

A Kuda,tapak sulaiman dan ketam

C Kuda laut,landak dan semut

B Labah-labah ,ular dan buaya

D Belut, cicak dan penyu

**2** Rajah 1 di bawah menunjukkan pengelasan tumbuhan




**Rajah 1**

Antara yang berikut, yang manakah diwakili oleh P dan Q ?

| | P | Q |
|---|---|---|
| A | Konifer | Tebu |
| B | Spirogira | Padi |
| C | Jagung | Paku pakis |
| D | Lumut hati | Rumpai laut |

**3** Antara penyataan berikut , yang manakah paling tepat menerangkan kitar oksigen?

A Satu kitar yang melibatkan penggunaann dan pembebasan oksigen

B Satu kitar yang melibatkan fotosintesis dan respirasi

C Satu kitar yang melibatkan penggunaan air dan karbon

D Satu kitar yang melibatkan penggunaan oksigen dan pembebasan karbon dioksida

**4** Apakah peranan burung hantu yang dipelihara di kawasan ladang kelapa sawit?

A Membantu pendebungaan

C Menghalang penyakit kelapa sawit

B Menyediakan baja organik

D Mengawal populasi perosak

**5** Rajah 2 menunjukkan satu masalah kesihatan berkaitan dengan malnutrisi.



Rajah 2

Apakah yang menyebabkan masalah ini?

A Lemak berlebihan

B Gula berlebihan

C Kekurangan protein

D Kekurangan kalsium

**6** Nilai kalori bagi seekor ikan ialah 20 kJ/g. Aminah mengambil 300 g ikan semasa makan tengahari.Berapakah nilai kalori bagi 300 g ikan itu ?

A 450 kJ

B 600 kJ

C 500 kJ

D 1000 kJ

**7** Adam mengalami muntah muntah dan cirit birit selepas bermain air banjir dan meminum air yang tidak dimasak. Apakah kemungkinan penyakit yang mungkin dihadapinya?

A Diabetes

B Malaria

C Taun

D Leptospirosis

**8** Rajah 3 dibawah menunjukkan peringkat peringkat rawatan air

K- Penapisan
L- Pengklorinan
M- Pengenapan
N- penggumpalan

Rajah 3

Antara urutan berikut, yang manakah betul?

A M,K,L,N

B N,M,L,K

C K,N,M,L

D N.K,M,L

**9** Jadual 1 menunjukkan nilai pH untuk larutan W , X , Y dan Z. Ali sebagai wakil kumpulan dikehendaki menyediakan larutan garam.

| Larutan | W | X | Y | Z |
|---|---|---|---|---|
| Nilai pH | 3 | 5 | 7 | 12 |

Jadual 1

Antara larutan berikut , yang manakah boleh dicampurkan bagi menbentuk garam dan air?

**A** W dan Y  C X dan Z

**B** X dan Y  D Y dan Z

**10** Rajah 4 menunjukkan satu litar elektrik.




Rajah 4

Apakah bacaan ammeter apabila suis dihidupkan?

A 3.5 A  C 14.0 A

B 4.0 A  D 49.0 A

**11** Rajah 5 menunjukkan kedudukan empat kompas P,Q , R dan S




Rajah 5

Kompas yang manakah menunjukkan pesongan penunjuk yang betul ?

A P dan R  C Q dan R

B P dan S  D Q dan S

**12** Satu objek berjisim 500g digantung pada neraca spring, berapakah bacaan pada neraca spring?

A 0.5 N  C 50 N
B 5.0 N  D 500 N

**13** Apakah yang mempengaruhi tekanan udara ?

A Suhu dan isipadu

B Isipadu dan kedalaman

C Suhu dan kedalaman

D Altitud dan kedalaman

**14** Rajah 6 menunjukkan sebatang rod besi sedang dipanaskan




Rajah 6

Apakah jenis pengaliran haba yang ditunjukkan di atas ?

A Pemindahan

B Sinaran

C perolakan

D konduksi

**15** Antara yang berikut, yang manakah benar tentang bayu laut?

A Berlaku pada waktu malam

B Angin bertiup dari darat ke laut

C Daratan lebih panas berbanding laut

D Laut lebih panas berbanding daratan

**16** Antara yang berikut , yang manakah dapat membatu mengurangkan pantulan bunyi dalam sebuah bilik?

A Cermin muka

B Dinding konkrit

C langsir

D Lantai marmar

**17** Antara warna bintang berikut , yang manakah paling panas ?

A Biru

B Kuning

C Merah

D Jingga

**18** Namakan planet yang paling hampir dengan Matahari ?

A Bumi

B Neptune

C Utarid

D Musytari

**19** Apakah gelaran meteor yang telah sampai ke Bumi?

A Komet

B Meteoroid

C Meteorit

D Asteroid

**20** Bagaimana Bumi boleh tergelincir darpada orbitnya ?

A Apabila satu komet terbakar

B Apabila Bumi dilanggar oleh Asteroid yang sangat besar

C Apabila kawah terbentuk di Bumi

D Apabila berlaku letusan gunung beraapi

**BAHAGIAN B ( 20 MARKAH )**
**MASA 30 MINIT**

1 Tandakan ( √ ) bagi ciri sepunya yang betul bagi pokok tebu dan pokok cili .

| Ciri ciri | tebu | cili |
|---|---|---|
| (a) urat daun selari | | |
| (b) urat daun jejala | | |
| (c ) akar serabut | | |
| (c) Akar tunjang | | |

**[4markah]**

| 2 | Padankan istilah yang diberikan dibawah dengan penyataan yang betul |
|---|---|

| habitat | ekosistem | populasi | komuniti | spesis |
|---|---|---|---|---|

| | |
|---|---|
| (a) | Sekumpulan organisma yang sama spesis yang hidup bersama dalam habitat yang sama |
| (b) | Sekumpulan organisma yang mempunyai ciri-ciri yang sepunya dan boleh menghasilkan anak |
| (c ) | Beberapa populasi yang berbeza organisma yang tinggal bersama di dalam habitat yang sama |
| (d) | Beberapa komuniti yang berbeza berinteraksi antara satu sama lain dan dengan persekitaran fizikalnya |

**[4markah]**

3. Nyatakan samada **BENAR** atau **PALSU** bagi penyataan berikut dalam ruang yang disediakan

| | | PENYATAAN | BENAR /PALSU |
|---|---|---|---|
| | **(a)** | Asma , kanser dan diabetes merupakan penyakit tidak berjangkit dan mungkin disebabkan oleh faktor genertik atau gaya hidup | |
| | **(b)** | Wabak selsema burung selalu berlaku selepas banjir | |
| | **(c )** | Kudis buta boleh disebarkan melalui sentuhan | |
| | **(d)** | Serangan jantung boleh berpindah daripada seseorang individu kepada individu yang lain | |
| | | | **[4markah]** |

**4** Lengkap kan peta pemikiran berikut tentang sifat asid dan alkali




**[4markah**

**5** Isikan tempat kosong menggunakan perkataan yang diberi

| |
|---|
| Sangat rapat pepejal getaran cecair vakum gerakan |

Bunyi dihasikan melalui ……………………… Ia dipindahkan dengan cepat melalui ……………….. berbanding……………………………… Hal ini kerana susunan zarah-zarahnya yang………………………. memudahkan pemindahan tenaga bunyi daripada satu zarah kepada zarah yang lain.

**[4markah]**